



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan rakyat Negeri Johor yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor:

- (a) **Gelaran Jawatan** : Pembantu Operasi Gred N11
- (b) **Gred** : N11
- (c) **Kementerian/Jabatan** : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor
- (d) **Kump. Perkhidmatan** : Pentadbiran dan Sokongan
- (e) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pelaksana
- (f) **Taraf Jawatan** : Kontrak
- (g) **Jadual Gaji** :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N11	RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00

- (h) **Elaun -Elaun**
 - Imbuan Tetap Perkhidmatan Awam RM95.00
 - Imbuan Tetap Perumahan RM300.00
 - Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) RM350.00
- (i) **Kekosongan** : 1 Kekosongan

(j) SYARAT LANTIKAN

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred N11:RM1,216.00); atau
- d) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)). (Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15).

ii) Syarat Kelayakan

a) Kelayakan PT3/PMR/SRP

Lulus dalam empat (4) mata Pelajaran termasuk Matematik (Gred E bagi Pentaksiran Tingkatan Tiga / Gred D bagi Penilaian Menengah Rendah)

iii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(k) CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan jawatan adalah secara "**online**" dan pemohon boleh memohon di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/index.html>.
2. Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.

(l) TARIKH PERMOHONAN : 02 JUN 2024 Hingga 15 JUN 2024

CATATAN

1. Hanya calon-calon yang layak setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.
3. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.